

Mahathir seru rakyat lebih rajin bekerja

UM 29 OCT 1981

IPOH 28 Okt. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru rakyat supaya lebih rajin bekerja untuk menjamin masa depan yang lebih mewah serta pembangunan yang lebih pesat:

Katanya, kemewahan yang dikecap oleh rakyat di tengah-tengah dunia mengalami kemerosotan ekonomi sekarang ini adalah kerana kekayaan sumber negara di samping rakyat rajin bekerja.

Berucap di hadapan lebih 20,000 orang sebanya di Lapanganterbang Ipoh untuk memulakan lawatan rasmi pertama ke Perak selepas 105 hari menjadi Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian:

"Di tengah-tengah ekonomi dunia mengalami kemunduran, kita terus tenang dan mewah sebab itulah kerajaan kita dapat kemukakan belanjawan yang istimewa supaya rakyat dapat hidup lebih makmur dan senang.

"Semua ini tidak dapat dinikmati jika kita tak mahu bekerja," katanya.

Perdana Menteri melahirkan rasa terharu dengan perpaduan yang ditunjukkan oleh puluhan ribu rakyat berbi-

lang kaum hari ini dan berharap perpaduan nyata yang ditunjukkan akan berkekalan demi kepentingan negara.

Katanya: "Negara kita sebuah negara yang bahagia, makmur dan subur di mana rakyatnya dapat hidup rukun damai untuk mencari nafkah.

"Semua ini adalah kurniaan Allah oleh itu kita harus bersyukur bukan hanya dengan mengucapkan terima kasih tetapi dengan terus berusaha mengekalkan keadaan aman damai supaya negara dapat dibangunkan dengan lebih pesat."

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa negara mempunyai sumber kekayaan yang sangat besar untuk semua orang.

"Apa yang dike-

hendaki ialah pembahagian adil dan saksama dan untuk inilah kita bentuk Dasar Ekonomi Baru," ujarnya.

Mengenai belanjawan yang dibentangkan minggu lalu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, di sebalik berbagai ramalan kerajaan telah mengumumkan belanjawan yang bukan saja tidak menambah cukai bahkan mengurangkan cukai supaya rakyat dapat menikmati kemewahan.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya yakin rakyat senantiasa sedar tentang segala usaha yang dijalankan oleh kerajaan dan berharap rakyat akan terus memberi sokongan kepada kerajaan.

"Kerajaan yang ada sekarang tidak ada niat lain melainkan untuk berkhidmat kepada rakyat," ujarnya.

Beliau mengakui bahawa memang ada kesalahan-kesalahan yang dilakukan tetapi memang manusia tidak sepi daripada membuat silap dan salah.

"Apa yang penting ialah kesanggupan untuk membetulkan segala kesalahan itu," tegasnya.

Di akhir ucapannya padang lapanganterbang bergema dengan gelak ketawa berkata: "Maafkan saya tak dapat bersalam dengan tuan-tuan dan puan-puan semua. Saya takut tangan saya lejang pulak."

Sementara itu Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad diberi sambutan hampanan permaidani merah sebanya di lapanganterbang di sini petang ini bersama isterinya, Datin Sri Dr. Siti Hasmah untuk lawatan rasmi dua hari ke Perak.

Lebih 20,000 rakyat berbagai kaum telah membanjiri lapanganterbang termasuk anggota-anggota parti komponen Barisan Nasional, badan-badan sukarela. Rukun Tetangga, pegawai-pegawai kerajaan, kanak-kanak sekolah dari semua lapisan yang datang dari jauh dan dekat seluruh negeri.

Kebanyakan orang ramai sejak pagi-pagi lagi sudah mula berduyunduyun menuju lapanganterbang kerana menunggu ketibaan

Perdana Menteri.

Cuaca di Ipoh yang sejak dua hari lalu tiap petang hujan turun lebat mencurah-curah, tapi petang ini cuaca sungguh baik sekali menjadi seluruh upacara sambutan berjalan dengan meriah.

Sebaik-baik Perdana Menteri dan isteri turun dari kapalterbang khas kira-kira jam 2.30 petang paluan kompang sekurang-kurangnya dari 10 pasukan bergema di ruang angkasa lapanganterbang itu diselang seli oleh suara tiupan serunai muzik tradisi dari kaum India.

Menteri Besar, Dato' Sri Wan Mohamad Haji Wan Teh dan isteri, Datin Sri Hajah Mariah mengetuai kerajaan dan rakyat menyambut ketibaan Perdana Menteri itu yang diiringi oleh ahli-ahli Exco kerajaan, wakil-wakil rakyat, pegawai-pegawai kerajaan dan pemimpin-pemimpin parti komponen.

Dari tangga kapalterbang, Perdana Menteri dan Datin Sri dibawa berjalan melalui hampanan permaidani merah menuju ke pentas khas yang disediakan di arah sebelah kiri dari pintu masuk kawasan lapanganterbang.